

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Ko-Kurikulum
Sent: 09 Jun 2016 10:48
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PELAJAR BUSANA DAN HIASAN DALAMAN KOK UUM DIKTIRAF GIATMARA



Pusat Kokurikulum
CO-CURRICULUM CENTRE
Universiti Utara Malaysia



9 JUN 2016 / 4 RAMADHAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Yang Berbahagia Dato' Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan/Saudara/i:



Pusat Kokurikulum
CO-CURRICULUM CENTRE

Universiti Utara Malaysia



PUSAT KOK ONLINE: Pelajar Kursus Busana dan Hiasan Dalaman Pusat Kokurikulum Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menerima Sijil daripada Pusat Giatmara Padang Terap selepas mereka menamatkan pengajian dalam empat semester.

Menurut Pengarah Pusat Kokurikulum UUM Prof Madya Dr Hussin Abdullah persetujuan itu dicapai dalam perbincangan yang diadakan baru-baru ini.

Katanya, Pengurus Kanan Giatmara Padang Terap En. Zubir Yahya berharap kerjasama ini dapat meningkatkan kemahiran pelajar yang terarah kepada konsep “hand on” terutama dalam bidang Busana dan Hiasan Dalaman.

‘Pelajar yang akan menerima sijil ini juga akan berpeluang mempelajari teknik membuat baju kurung, baju kurung moden, baju kebaya moden, baju korporat, baju kanak-kanak, seluar slek dan juga sulaman,’ujarnya lagi.

Dr. Hussin menambah dengan kolaborasi antara Pusat Kokurikulum UUM dengan Giatmara ini bukan sahaja dapat melahirkan graduan dengan segulung ijazah malah dapat melahirkan usahawan dalam bidang jahitan pakaian dan hiasan dalaman seterusnya membolehkan mereka memohon pinjaman bagi menjalankan perniagaan.

Habis.

=====

DARIPADA:
PUSAT KOKURIKULUM
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3506
FAKS: 04-928 3502

